

TARIKH: 17/8/23  
SURAT KHABAR: Kosmo (Khamis)  
MUKA SURAT: 4

Optimis kenaikan bagi sektor awam dalam pembentangan Bajet 2024

# Gaji naik ketepi persepsi sinis netizen

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA TERENGGANU** – Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yakin kerajaan akan menepati janji menaikkan gaji sektor awam menjelang pembentangan Bajet 2024 pada Oktober depan.

Presiden Cuepacs, Datuk Adnan Mat percaya kata-kata sinis netizen yang mencadangkan inisiatif tersebut dibatalkan ekoran keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri pada Sabtu lalu tidak akan mempengaruhi keputusan kerajaan.

"Ini pandangan yang serong dan tidak berperlembagaan kerana anggota Perkhidmatan Awam telah melakukan tugas dan kerajaan ini majikan kami.

"Kerajaan telah bersetuju untuk meningkatkan gaji, kami amat yakin kerajaan mampu untuk melaksanakannya. Keputusan PRN dilihat positif atau



ADNAN (enam dari kanan) bersama sebahagian penjawat awam Terengganu yang menghadiri Perhimpunan bersama Cuepacs di Kuala Terengganu semalam.

negatif itu tajuk lain," katanya pada program Perhimpunan bersama Penjawat Awam Terengganu di sini semalam.

Adnan berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim

sebelum ini jelas kekal komited dalam merealisasikan inisiatif meningkatkan gaji penjawat awam terbabit.

Jelas beliau, komitmen berte-rusan menunjukkan Anwar amat

prihatin dan memahami kesu-karan penjawat awam khususnya yang berada dalam kumpulan gaji terendah.

"Sistem saraan baharu sedang giat dijalankan (Jabatan Perkhid-

matan Awam) dengan sesi libat urus melibatkan enam kluster telah selesai.

"Harapan kami agar permintaan seperti gaji minimum RM1,800, penstrukturan tangga gaji dan kenaikan pangkat dapat dipenuhi dalam sistem saraan baharu itu," katanya.

Dalam perkembangan sama, Adnan juga memohon kerajaan mempertimbangkan kenaikan imbuhan tetap perkhidmatan awam sebelum sistem saraan baharu terbabit dikuatkuasakan.

Jelas beliau, kenaikan imbuhan sekurang-kurangnya RM100 sebulan itu bertujuan meningkatkan pendapatan bersih penjawat awam.

"Ya untuk meningkatkan kuasa beli penjawat awam untuk mendepani kos sara hidup yang semakin tinggi.

"Kita faham sistem saraan baharu mungkin memerlukan kajian dan memakan masa untuk dilaksanakan," katanya.

## Wujudkan inisiatif Amanah Saham Rahmah bantu miskin tegar

**PETALING JAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bercadang untuk mewujudkan inisiatif Amanah Saham Rahmah bagi membantu mengatasi masalah miskin tegar negara.

Timbalan Menteri, Fuziah Salleh berkata, KPDN sedang

mengkaji dan meneliti model tersebut sebelum disarankan kepada kerajaan untuk pelaksanaannya.

"Rahmah memang sinonim dengan kementerian, jadi kita sedang teliti bagaimana boleh laburkan wang kerajaan menerusi satu akaun ke pertubuhan atau

syarikat tertentu.

"Dividen yang diperoleh kemudiannya boleh diberi kepada keluarga-keluarga miskin tegar supaya mereka mendapat pendapatan bulanan yang tetap," katanya ketika hadir sebagai tetamu jemputan di sebuah program televisyen semalam.

Jelasnya, model itu dijangka mampu membantu membanteras miskin tegar menerusi pulangan dana yang dilaburkan kerajaan.

"Contoh, kerajaan letak RM100,000 di Permodalan Nasional Berhad (PNB), wang itu akan tetap jadi milik kerajaan sebab bukan milik individu,

manakala dividen diberikan kepada keluarga miskin tegar.

"Inilah model yang kita sedang kaji sebab kalau kita bagi bantuan sosial setiap bulan ia akan 'hangus'. Apabila keluarga berkenaan tidak lagi memerlukan, dividen itu boleh bantu keluarga lain pula di masa hadapan," katanya.

KOSMO (Khamis)  
17/8/23 MS4